



20 JUL, 2020

## Pasar Komuniti Stutong ditutup sementara

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Pasar Komuniti Stutong ditutup sementara

.....  
**ALEXANDRA LORNA**

**KUCHING:** Susulan dua kes positif Covid-19 dilaporkan dari Pasar Komuniti Stutong Sabtu lalu, pasar tersebut diarahkan tutup sementara waktu.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Datuk Wee Hong Seng berkata, pasar akan ditutup buat sementara waktu sehingga notis selanjutnya.

"Ia ditutup setelah dua orang dari pasar itu didapati positif ujian Covid-19 secara rawak dilakukan di pasar tersebut.

"Ini adalah bagi memastikan pasar selamat untuk vendor

dan juga orang ramai," katanya semalam.

Beliau berkata, lebih 200 vendor dan kakitangan yang bekerja di pasar itu diarahkan untuk melakukan ujian tersebut,

"Sebilangan besar daripada mereka juga telah menjalani ujian sapu di Klinik Kesihatan Petra Jaya.

"Jika keputusan mereka adalah negatif, MBKS akan lihat bagaimana membuka semula pasar itu dan sudah pasti kita amat menitikberatkan langkah berjaga-jaga serta kerja-kerja sanitasi dilakukan lagi," jelasnya,

Beliau turut menasihati pelanggan yang telah mengun-

jungi pasar itu dan mungkin menunjukkan tanda-tanda dan gejala virus, mereka digalakkan untuk melakukan ujian Covid-19.

"Saya berharap masyarakat tidak panik dan terus mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) Covid-19 yang ditetapkan oleh kerajaan dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS)," katanya.

Wee turut berkata selagi vaksin belum dijumpai, selagi itu masyarakat tidak boleh mengambil jalan mudah dan mengabaikan SOP.

"Cuba elakkan tempat yang sesak, jarakkan diri, menjaga

kebersihan diri dan yang paling penting ialah memakai topeng mulut dan hidung anda.

"Sekiranya anda melihat pasar sesak, jangan pergi pada hari itu, kerana masih ada hari lain anda masih boleh mengunjungi pasar itu ketika kurang sibuk," tegasnya.

Beliau turut menggesa orang ramai supaya berhenti menyebarkan khabar angin atau berita palsu mengenai kes yang berkaitan dengan Covid-19 kerana ini hanya akan menimbulkan ketegangan yang tidak perlu, dan orang ramai hanya harus mempercayai pengumuman rasmi oleh JPBN.



**DATU WEE HONG SENG**



20 JUL, 2020

## Pasar Komuniti Stutong ditutup sementara

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Susulan dua kes positif Covid-19 dilaporkan dari Pasar Komuniti Stutong Sabtu lalu, pasar tersebut diarahkan tutup sementara waktu. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Datuk Wee Hong Seng berkata, pasar akan ditutup buat sementara waktu sehingga notis selanjutnya. "Ia ditutup setelah dua orang dari pasar itu didapati positif ujian Covid-19 secara rawak dilakukan di pasar tersebut."Ini adalah bagi memastikan pasar selamat untuk vendor

dan juga orang ramai," katanya semalam.